

DECONDINE TABLET/SYRUP

Pseudoephedrine hydrochloride /Triprolidine hydrochloride
(Tablet: 60mg / 2.5mg dalam setiap biji), (Syrup: 30mg / 1.25mg untuk setiap 5ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Decondine
2. Bagaimana Decondine berfungsi
3. Sebelum menggunakan Decondine
4. Cara menggunakan Decondine
5. Semasa menggunakan Decondine
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Decondine
8. Maklumat Lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Decondine

Ia digunakan digunakan untuk melegakan hidung atau salur pernafasan yang tersumbat, selesema biasa, radang sinus akut dan radang di dalam hidung disebabkan oleh alergen.

Bagaimana Decondine berfungsi

Bahan aktif dalam ubat ini adalah pseudoephedrine hydrochloride dan triprolidine hydrochloride. Pseudoephedrine tergolong dalam kumpulan ubat yang dikenali sebagai *nasal decongestants*. Ia berfungsi dengan mengecutkan saluran darah di dalam hidung untuk mengurangkan bengkak dan tersumbat. Manakala, triprolidine, adalah sejenis antihistamin yang mengurangkan keradangan.

Sebelum menggunakan Decondine

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan ambil Decondine jika anda:-

- mempunyai alahan terhadap pseudoephedrine, triprolidine atau ubat-ubatan lain yang serupa ataupun mana-mana bahan lain yang terkandung dalam ubat ini (disenaraikan dalam Maklumat lanjut).
- mengambil ubat *Monoamine Oxidase Inhibitor* (MAOI) (untuk kemurungan).
- mempunyai tekanan darah yang terlampau tinggi.
- mempunyai masalah jantung yang teruk.

Kanak-kanak

Decondine tidak disyorkan untuk kanak-kanak di bawah umur 2 tahun.

-Sebelum mula menggunakan Decondine

Maklumkan kepada doktor anda sebelum menggunakan Decondine jika anda mempunyai mana-mana masalah seperti berikut:

- peningkatan tekanan di dalam mata
- ulser dalam perut atau duodenum
- sebarang halangan dalam sistem pencernaan
- pembesaran prostat
- kencing tidak lawas atau tak dapat dikawal
- tekanan darah tinggi
- kencing manis
- masalah jantung
- tiroid terlampau aktif
- masalah buah pinggang atau hati yang teruk
- sebarang masalah yang berkaitan dengan pundi hempedu (contoh, batu karang)
- masalah pernafasan

Mengandung dan menyusukan anak

Sila dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda jika anda hamil, merancang untuk hamil atau menyusu badan sebelum menggunakan sebarang ubat.

Decondine hanya boleh digunakan ketika hamil jika ianya betul-betul diperlukan.

Decondine dirembeskan ke dalam susu ibu dan mungkin memudaratkan bayi anda. Doktor anda akan membincangkan risiko dan manfaat penyusuan susu ibu semasa anda mengambil Decondine.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil ubat seperti yang berikut: -

- ubat dengan fungsi yang serupa dengan Decondine.
- ubat untuk merawat kemurungan.
- guanethidine, betanidine, methyl dopa and reserpine (ubat-ubatan untuk mengawal tekanan darah tinggi).

Cara menggunakan Decondine

- Berapa banyak harus digunakan

Ubat ini diambil secara oral.

Tablet

- Dewasa dan kanak-kanak melebihi 12 tahun:

1 tablet diambil setiap 4 hingga 6 jam. Kekerapan maksimum adalah sehingga 4 kali sehari, iaitu tidak melebihi 4 tablet setiap hari.

Sirap

- Dewasa dan kanak-kanak melebihi 12 tahun:

10ml tiga kali sehari.

- Kanak-kanak berumur 6 hingga 12 tahun: 5ml tiga kali sehari.

- Kanak-kanak berumur 2 hingga 5 tahun: 2.5ml tiga kali sehari.

- Bila perlu digunakan

Gunakan Decondine tiga kali sehari atau mengikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

Untuk kegunaan kanak-kanak berumur 2 hingga 6 tahun, Decondine mesti digunakan dengan berhati-hati di bawah pengawasan doktor/ahli farmasi.

-Berapa lama perlu digunakan

Ambil Decondine untuk tempoh yang disyorkan oleh doktor.

- Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan menggunakan ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau sesiapa terguna dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Mengambil terlalu banyak ubat ini boleh menyebabkan pelbagai reaksi dalam badan anda, contohnya rasa lesu atau menjadi lebih peka dan aktif, terutamanya pada kanak-kanak. Anda juga mungkin mengalami gejala seperti mulut kering, anak mata membesar, kemerahan pada kulit, denyut jantung yang cepat, halusinasi,

sawan, sukar membuang air kecil, ritma jantung yang tidak sekata, masalah pernafasan dan mungkin menyebabkan hilang kesedaran.

Simptom dos berlebihan lain termasuk menyebabkan anda berasa teruja, gelisah, gemetar, gelisah, dan tidak boleh tidur. Kesan lain termasuk tekanan darah tinggi, kelihatan pucat, dan tahap gula darah yang tinggi. Kekurangan kalium yang teruk juga boleh berlaku.

Semasa menggunakan Decondine

- Perkara yang perlu dilakukan

- Gunakan ubat anda dengan betul seperti yang diarahkan oleh doktor anda.
- Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda menggunakan Decondine.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda mengandung semasa menggunakan ubat ini.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti menggunakan ubat kecuali dinasihatkan oleh doktor anda.
- Jangan mengambil sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor anda.
- Jangan berikan Decondine kepada orang lain, walaupun mereka mempunyai simptom atau masalah seperti anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan mesin

Berhati-hati memandu atau mengendalikan mesin sehingga anda tahu bagaimana Decondine memberi kesan kepada anda.

Ubat ini boleh menjejaskan daya tumpuan pada sesetengah orang. Sekiranya ubat ini membuat anda merasa pening, jangan memandu atau menggunakan mesin dan segera hubungi doktor anda.

Kesan-kesan sampingan

Sebagai ubat-ubatan lain, Decondine boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya. Kesan sampingan yang pernah dilaporkan adalah seperti berikut:

- kekeringan mulut, hidung dan tekak
- sedatif dan mengantuk
- pening
- gangguan koordinasi
- geligata
- peluh berlebihan
- kadar degupan jantung cepat

- sakit kepala
- tekanan darah rendah
- keresahan
- rasa berpusing
- bunyi berdering dalam telinga
- loya
- muntah-muntah
- cirit-birit
- sakit gastrik
- cepat marah
- masalah pemakanan
- rasa ketat di dada
- berdehit

Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas mungkin juga boleh berlaku pada sesetengah orang. Sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi jika anda mengalami kesan sampingan lain semasa menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npa.gov.my [*Consumers* → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

Cara penyimpanan dan pelupusan Decondine

- Penyimpanan

Simpan pada atau di bawah suhu 30°C. Lindungi daripada cahaya.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Tablet: Bulat, cembung, berwarna putih dan disaluti serta bergaris pada satu permukaan.

Syrup: Cecair jernih berwarna kuning dan berperisa vanila.

-Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
- Pseudoephedrine hydrochloride
- Triprolidine hydrochloride

- Bahan- bahan tidak aktif

Tablet

- Lactose
- Maize Starch
- Magnesium Stearate
- Aerosil 200/Cab-o-Sil
- H.P.M.C.
- Ethylene Glycol Monoethyl Ether
- Calcium Carbonate
- Corn Starch
- Talcum
- Deionised Water
- Titanium Dioxide
- Eudragit L 100
- Isopropyl Alcohol

Syrup

- Glycerin
- Vanilla Flavour
- Quinoline Yellow Colour
- Sodium Benzoate
- Coarse Sugar
- Deionised Water

- Nombor MAL

Tablet: MAL19871814AZ

Syrup: MAL19860261AZ

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Sunward Pharmaceutical Sdn. Bhd.
No. 9,11 & 17, Jalan Kempas 4, Taman Perindustrian Tampoi Indah, 81200 Johor Bahru, Johor, Malaysia.

Tarikh Kemaskini RiMUP

16/01/2024

Nombor siri

NPRA(R4/1)081123/00088